iii evaluate factors relating to the independence of the External Auditors and providing a framework within which the External Auditors can assert their independence;

iv together with the External Auditors assess and evaluate the scope of their audit plan, their evaluation of the system of internal control and the audit reports on the financial statements;

v the quarterly financial results and year end financial statements with Management prior to deliberation and approval by the Board, focusing particularly on:

- a changes in major accounting policies;
- b significant and unusual events;
- c compliance with accounting standards and other legal requirements.

vi the scope, function and resources of Internal Audit function and the necessary authority to carry out its work;

vii the Internal Audit program, processes and results of the audit work, process of investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the Internal Audit function;

viii any related party transaction and conflict of interest situation that may arise including any transaction, procedure or course of conduct concerning Management's integrity; and

ix the selection, remuneration and resignation or dismissal of the External Auditors.

Authority

In carrying out their duties and responsibilities, the Committee shall have the authority to investigate any matter within its terms of reference with full and unrestricted access to all the Company's records, properties and personnel. The Committee is entitled to obtain independent professional or other advice to enable it to discharge its duties.

Meetings

The Committee shall hold at least four meetings per year. Additional meeting may be held if it is requested to do so by any Committee member, the Management, Internal or External Auditors. The Committee may invite any person to be in attendance to assist in its deliberations.

A quorum shall consist of a majority of Independent Directors and shall not be less than two. The Company Secretary shall act as secretary of the Committee.

OBJEKTIF

Objektif utama Jawatankuasa ialah untuk melindungi kepentingan masyarakat pelaburan serta memastikan tadbir urus korporat yang lebih efektif.

TERMA RUJUKAN

Tugas-tugas

Tugas Jawatankuasa meliputi mengkaji perkara-perkara berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah:

i keberkesanan sistem maklumat pengurusan dan sistem-sistem kawalan dalaman lain di dalam Syarikat dan Kumpulan;

ii pematuhan pengurusan terhadap undang-undang, peraturan, dasar-dasar, rancangan dan prosedur yang telah digariskan;

iii menilai faktor-faktor yang berkaitan dengan kebebasan Juruaudit Luar dan menyediakan rangka kerja yang membolehkan Juruaudit Luar menegaskan pendirian mereka;

iv bersama-sama dengan Juruaudit Luar menaksir dan menilai skop rancangan audit mereka, penilaian mereka mengenai sistem kawalan dalaman dan laporan audit mengenai penyata kewangan;

v keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun dengan Pengurusan sebelum perbincangan dan kelulusan Lembaga Pengarah, dengan memfokus khususnya kepada:

- a perubahan dalam dasar-dasar perakaunan penting;
- b peristiwa penting dan luarbiasa;
- c pematuhan terhadap piawaian perakaunan dan keperluan perundangan yang lain.

vi skop, fungsi dan sumber fungsi Audit Dalaman dan pihak berkuasa berkaitan untuk menjalankan tugasnya;

vii program Audit Dalaman, proses dan keputusan tugas audit, proses penyiasatan yang dijalankan dan sama ada wajar atau tidak tindakan diambil ke atas syor fungsi Audit Dalaman;

viii sebarang urusniaga pihak berkaitan dan pertelingkahan kepentingan yang mungkin timbul termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau bentuk tindakan berkenaan kewibawaan Pengurusan; dan

ix pemilihan, ganjaran dan perletakan jawatan atau pemberhentian Juruaudit Luar.

Kuasa

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang tertakluk di dalam bidang kuasanya dengan diberi kuasa penuh dan tanpa halangan untuk meneliti semua rekod, hartanah dan kakitangan Syarikat. Jawatankuasa ini berhak untuk mendapat nasihat profesional bebas atau nasihat lain untuk membolehkannya menjalankan tugasnya.

Mesyuarat

Jawatankuasa akan mengadakan sekurang-kurangnya empat mesyuarat setiap tahun. Mesyuarat tambahan boleh diadakan jika diminta oleh ahli Jawatankuasa, Pengurusan, Juruaudit Dalaman atau Luar. Jawatankuasa ini boleh mengundang sesiapa untuk hadir bagi membantu dalam perbincangannya.

Kuorum akan mengandungi majoriti para Pengarah Bebas dan tidak boleh kurang daripada dua orang ahli. Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai setiausaha Jawatankuasa.

During the financial year ended 31 July 2001, the Committee met for a total of four times and the attendance of each member of the Audit Committee are as follows:

Pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 2001, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak empat kali dan butir-butir kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

Audit Committee Member Ahli Jawatankuasa Audit	Designation Jawatan	No. of meetings held during the year Bil. mesyuarat diadakan pada tahun	No. of meeting attended Bil. mesyuarat dihadiri
Y Bhg Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim	Chairman Pengerusi	4	4
Ms Wong Chin Yen	Member Ahli	4	4
Mr Ng Kee Leen	Member Ahli	4	3

Summary of Audit Committee's Activities

Audit Committee's activities during financial year ended 31 July 2001 include the review of:

i the risk assessment and audit plan proposed by Internal Auditors and recommend the same to the Board for approval;

ii the audit plan and audit fees proposed by External Auditors and recommend to the Board the appointment and audit fee of External Auditors;

iii the audit reports presented by Internal Auditors on findings and recommendations with respect to system and controls weaknesses and ensure implementation of corrective actions;

iv the compliance to accounting standards issued by Malaysian Accounting Standards Board;

v the Group's quarterly financial results and recommend the same to the Board for approval and announcement to the Kuala Lumpur Stock Exchange and Securities Commission;

vi the Group's year end audited accounts and audit report on the financial statement as presented by the External Auditors and recommend the same to the Board for approval.

Internal Audit Function

Internal Audit function has been established to assist the Committee in discharging its duties and responsibilities. The role of the Internal Audit function is to provide the Committee with independent and objective reports on the state of internal control and compliance to policies and procedures. The Internal Audit function is also involved in risk assessment, risk evaluation and recommendation of control activities to manage such identified risk.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 2001 termasuk mengkaji:

i penilaian risiko dan rancangan audit yang disyorkan oleh Juruaudit Dalaman dan mencadangkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;

ii rancangan audit dan yuran audit yang disyorkan oleh Juruaudit Luar dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah berhubung perlantikan dan yuran audit Juruaudit Luar;

iii laporan audit yang dikemukakan oleh Juruaudit Dalaman mengenai penemuan dan cadangan berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan serta memastikan pelaksanaan tindakan pembetulan;

iv pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;

v keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan dan mencadangkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pengumuman kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Sekuriti; dan

vi akaun akhir tahun Kumpulan dan laporan audit mengenai penyata kewangan seperti yang dikemukakan oleh juruaudit Luar dan mencadangkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Fungsi Audit Dalaman

Fungsi Audit Dalaman diwujudkan untuk membantu Jawatankuasa menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Peranan fungsi Audit Dalaman adalah untuk menyediakan laporan yang berkecuali dan objektif kepada Jawatankuasa mengenai hal-ehwal kawalan dalaman dan pematuhan terhadap pelbagai dasar dan prosedur. Fungsi Audit Dalaman juga terlibat dalam penaksiran dan penilaian risiko dan mengemukakan cadangan aktiviti-aktiviti kawalan untuk menguruskan risiko yang telah dikenalpasti.

Our Board of Directors welcomes the implementation of a Code of Corporate Governance issued by the Finance Committee on Corporate Governance in March 2000. The Code defines the principles and best practices on structures and processes that companies can use in their operations towards achieving the optimal governance framework.

Lembaga Pengarah kami mengalu-alukan pelaksanaan Kod Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kewangan mengenai Tadbir Urus Korporat pada bulan Mac 2000. Kod ini mentakrifkan prinsip-prinsip dan amalan terbaik mengenai struktur dan proses yang boleh digunakan oleh syarikat-syarikat dalam operasi masing-masing ke arah pencapaian rangka kerja tadbir urus korporat yang optimum.

The Board is duly committed in implementing high standards of corporate governance and recognises the need for companies to be more efficient and well-managed in a global economy. Indeed, the role of Directors in upholding the integrity of the Company, protecting and enhancing shareholder value is crucial. The Code, therefore, provides a fundamental framework and the yardstick for best practice benchmark.

Board of Directors

The Board has always had a balance of Executive and Non-Executive Directors. In the later part of the year, there was an increase in the number of Independent Non-Executive Directors in compliance with the KLSE Listing Requirements. Members of the Board have also been brought together to represent a blend of legal, financial, technical and business experiences that has been vital to the successful direction of the Group.

The Board acknowledges that the principles of good governance indicate that there should be a clear division of responsibilities between the running of the Board and executive responsibility for the running of the Company's business. The roles of the Chairman and the Managing Director are clearly separated. Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi, a Non-Executive Director, is the Senior Independent Director on the Board to whom all concerns of shareholders may be conveyed.

The Board meets ordinarily four times per financial year, with additional meetings being convened as necessary. For the financial year 2001, the Board met five times. The details of meetings are disclosed below. All of the Non-Executive Directors regularly attend meetings of the Board and its committees and participate fully in the deliberations of matters reserved for the Board.

Lembaga Pengarah turut komited untuk melaksanakan taraf piawaian tadbir urus korporat yang tinggi serta mengakui keperluan bagi syarikat-syarikat supaya lebih cekap dan diurus dengan sempurna selaras dengan persekitaran ekonomi yang berciri global. Malah, peranan para Pengarah dalam menjaga kewibawaan Syarikat, melindungi serta mempertingkatkan nilai pemegang saham adalah amat penting. Justeru itu, Kod ini menyediakan satu rangka kerja fundamental serta garis ukuran yang mampu menyediakan ukur rujuk amalan terbaik.

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah sentiasa mempunyai keseimbangan antara Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif. Pada lewat tahun ini, bilangan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah bertambah sebagai mematuhi Keperluan Penyenaraian BSKL. Para Ahli Lembaga Pengarah juga telah dipilih supaya mewakili campuran latar belakang pengalaman yang merangkumi bidang perundangan, kewangan, teknikal dan perniagaan yang begitu penting dalam memastikan kejayaan hala tuju Kumpulan.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik menandakan perlunya pembahagian tanggungjawab yang nyata antara pegendalian Lembaga Pengarah dan tanggungjawab eksekutif dalam mengendalikan perniagaan Syarikat. Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan telah diasingkan dengan nyata. Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi, seorang Pengarah Bukan Eksekutif, adalah seorang Pengarah Bebas Kanan dalam Lembaga Pengarah yang dipertanggungjawabkan untuk menangani semua isu pemegang saham.

Lembaga Pengarah biasanya mengadakan mesyuarat empat kali setiap tahun kewangan dan mesyuarat tambahan diadakan jika perlu. Bagi tahun kewangan 2001, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak lima kali. Butir-butir mengenai mesyuarat tersebut dibentangkan seperti di bawah ini. Lazimnya, semua Pengarah Bukan Eksekutif akan menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat jawatankuasanya dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam perbincangan mengenai perkara-perkara yang khusus untuk ditangani oleh Lembaga Pengarah.

The Chairman undertakes primary responsibility for organising information necessary for the Board to deal with the agenda and for providing this information to Directors on a timely basis. Timetables are set well in advance to ensure that adequate information can be circulated in a satisfactory form and timely manner. Due notice is given for all scheduled meetings.

Pengerusi memikul tanggungjawab utama menyusun maklumat yang perlu diuruskan oleh Lembaga Pengarah berhubung agenda dan mengedarkan maklumat ini kepada para Pengarah pada masa-masa yang tepat. Jadual diatur terlebih dahulu bagi memastikan supaya maklumat yang secukupnya diedarkan dalam cara yang memuaskan dan menepati masa. Notis berkaitan diberi terlebih dahulu bagi semua mesyuarat yang dijadualkan.

Attendance at Board Meetings Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah

	No. of meetings attended Bil. mesyuarat dihadiri
Non-Executive Bukan Eksekutif	
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim	4
Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah	4
Wong Chin Yen	5
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi ***	-
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim ***	-
Datuk Ab Rahman bin Omar ***	-
Executive Eksekutif	
Dato' Lin Yun Ling	5
Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali	5
Ng Kee Leen	5
Goon Heng Wah	4
Ha Tiing Tai	5
Saw Wah Theng	5
Azmi Mat Nor **	3
Chow Chee Wah **	3
Heng Teng Kuang *	1
Chan Kuan Nam @ Chan Yong Foo *	2
Total no. of meetings Jumlah mesyuarat	5

*** Appointed on 22.10.2001 Dilantik pada 22.10.2001
** Attended as Alternate Director (appointed on 22.12.2000) Menghadiri sebagai Pengarah Pengganti (dilantik pada 22.12.2000)
* Resigned on 01.08.2001 Meletak jawatan pada 01.08.2001

The Board has reserved for itself powers in respect of areas significant to the Group's business including the approval of the corporate plans and annual budgets; announcement on the quarterly results; acquisitions and disposals of segments of the business; major investments and financial decisions; appointments to the Board and changes to the management and control structure within the Group; and other matters raised in relation to the related business of the Group. Due attention is also given to ensure that significant business risks are identified and appropriately managed and adequate internal controls and management information systems, including systems for compliance with applicable laws, regulations, rules, directives and guidelines are in place. Performance factors such as customer satisfaction, product and service quality, market reaction, environmental issues were also discussed.

To facilitate the smooth transaction of business within the Company, the Board has established a number of standing committees. The terms of reference of each committee have been approved by the Board and, where applicable, comply with the recommendations of the Code.

The Board has three standing committees, the Audit Committee, the Remuneration Committee and Nomination Committee. The Remuneration and Nomination Committees were both established this year.

All Directors, except for the Managing Director, are required to submit themselves for re-election by the shareholders at the annual general meetings, at least once every three years. The Articles of Association of the Company will be amended at the forthcoming Extraordinary General Meeting to provide for all Directors to submit themselves for re-election at the annual general meetings at least once every three years.

Lembaga Pengarah mengkhususkan kuasa untuk Lembaga sahaja, beberapa bidang yang penting kepada perniagaan Kumpulan termasuk kelulusan rancangan korporat dan belanjawan tahunan, pengumuman keputusan suku tahunan, pengambilalihan dan pelupusan segmen perniagaan, keputusan pelaburan dan kewangan utama; pelantikan ke Lembaga Pengarah dan perubahan pengurusan serta struktur kawalan di dalam Kumpulan; dan perkara-perkara lain yang berbangkit mengenai perniagaan berkaitan Kumpulan. Perhatian yang sewajarnya juga diberi untuk memastikan risiko perniagaan yang ketara dikenalpasti dan ditangani dengan sewajarnya dan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan, termasuk sistem pematuhan kepada undang-undang yang diterima pakai, peraturan, arahan dan garis panduan adalah mencukupi dan sedia ada. Faktor prestasi seperti kepuasan pelanggan, kualiti produk dan perkhidmatan, tindak balas pasaran, isu-isu alam sekitar juga dibincangkan.

Bagi urusan perniagaan di dalam Syarikat dijalankan dengan lancar, Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa jawatankuasa tetap. Bidang tugas setiap jawatankuasa telah diluluskan oleh Lemabaga Pengarah dan, di mana sesuai, mematuhi cadangan yang disarankan oleh Kod.

Lembaga Pengarah mempunyai tiga jawatankuasa tetap iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan. Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan telah ditubuhkan pada tahun ini.

Semua Pengarah, kecuali Pengarah Urusan dikehendaki menawarkan diri untuk pemilihan semula oleh para pemegang saham di mesyuarat agung tahunan, sekurang-kurangnya tiga tahun sekali. Tataurusan Pertubuhan Syarikat akan dipinda di Mesyuarat Agung Luarbiasa yang akan datang untuk membolehkan semua Pengarah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula di mesyuarat agung tahunan sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga tahun.

All the Directors have direct access to the advice and services of the Company Secretary and the Group Internal Audit Manager. Procedures are in place to facilitate the Directors, whether as a Board or in their individual capacity, to obtain independent professional advice in furtherance of their duties, where required, at the Company's expense.

All members of the Board have completed the Mandatory Accreditation Programme, a training prescribed by the KLSE. Additionally, relevant external and internal trainings and courses are continuously been identified by the Company's in-house Learning Centre for the Directors to attend to equip themselves to effectively discharge their duties as a Director.

A Statement by the Directors of their responsibilities for preparing the financial statements is included in page 60 of the Annual Report.

Audit Committee

The Committee has revised its terms of reference, which is now consistent with the latest KLSE Listing Requirements. The terms of reference, which outline the Committee's functions and duties, and a summary of the Committee's activities are furnished in the Audit Committee report. The Chairman of the Committee is an Independent, Non-Executive Director appointed by the Board.

The Group Internal Audit Department (GIA) of the Company also performs internal audit functions of the Company's subsidiaries. The GIA provides the support and assistance to the Committee in discharging their responsibilities.

The Committee has absolute authority to direct the GIA to conduct investigation on any matters within its terms of reference.

Semua Pengarah mempunyai akses langsung kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat dan Pengurus Audit Dalaman Kumpulan. Berbagai prosedur telah dilaksanakan untuk membolehkan para Pengarah, sama ada dalam kapasiti mereka sebagai ahli Lembaga atau individu, mendapatkan nasihat profesional bebas untuk menjalankan tugas mereka, mengikut keperluan, di mana kosnya ditanggung oleh Syarikat.

Semua ahli Lembaga Pengarah telah menyelesaikan Program Akreditasi Mandatori, satu latihan yang ditetapkan oleh BSKL. Di samping itu, pelbagai latihan dan khusus luaran dan dalaman berkaitan sentiasa dikenalpasti oleh Pusat Pembelajaran dalaman Syarikat untuk dihadiri oleh para Pengarah bagi mempersiapkan diri mereka dalam menjalankan tugas sebagai pengarah dengan berkesan.

Penyata oleh Pengarah-Pengarah berhubung tanggungjawab mereka dalam menyediakan penyata kewangan dibentangkan di muka surat 60 dalam Laporan Tahunan.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa ini telah menyemak semula terma rujukannya yang kini selaras dengan Keperluan Penyenaraian BSKL. Bidang-bidang tugas tersebut yang menggariskan fungsi dan tugas Jawatankuasa ini serta mengandungi satu ringkasan aktiviti Jawatankuasa disediakan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit. Pengerusi Jawatankuasa ini adalah pengarah bebas, bukan eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Jabatan Audit Dalaman Kumpulan (GIA) Syarikat turut menjalankan fungsi audit dalaman syarikat-syarikat subsidiari. GIA memberi sokongan dan bantuan kepada Jawatankuasa ini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Jawatankuasa ini mempunyai kuasa mutlak untuk mengarahkan GIA menjalankan penyiasatan berhubung sebarang perkara di bawah bidang tugasnya.

The Committee met four times during the financial year. The attendance of each Committee member is furnished in the Audit Committee report. Senior members of the Company's external auditors, the Head of GIA and the Finance Director normally attend the meetings.

The Committee meets annually with the external auditors without the presence of Executive Directors and management. It has full access to the auditors both internally and externally who, in turn, have access at all times to the Chairman of the Committee.

Remuneration Committee

The members of the Committee are detailed in page 66 of the Annual Report.

The Committee has written terms of reference and will assess all elements of the remuneration and other terms of employment of Executive Directors.

The Committee recommends to the full Board the remuneration, fee and other remuneration package payable to Executive and Non-Executive Directors, drawing from outside advice where necessary. The remuneration for all Directors are determined so as to ensure that the Company attracts and retains the Directors needed to run the Group successfully. Executive Directors play no part in the deliberations and decisions on their own remuneration. The determination of remuneration packages of Non-Executive Directors, including Non-Executive Chairman is a matter for the Board as a whole with the individuals concerned abstaining from discussions and voting on decisions in respect of their own remuneration.

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat empat kali pada tahun kewangan ini. Kehadiran setiap ahli Jawatankuasa ditunjukkan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit. Ahli-ahli kanan juruaudit luar Syarikat, Ketua GIA dan Pengarah Kewangan biasanya menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap tahun dengan juruaudit luar tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pihak pengurusan. Ia mempunyai akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar yang sebaliknya mempunyai akses setiap masa kepada Pengerusi Jawatankuasa ini.

Jawatankuasa Imbuhan

Ahli-ahli Jawatankuasa ini dinyatakan secara terperinci di muka surat 126 dalam Laporan Tahunan.

Jawatankuasa ini mempunyai terma rujukan yang tertulis dan akan menilai semula unsur imbuhan dan terma-terma pekerjaan lain bagi para Pengarah Eksekutif.

Jawatankuasa mencadangkan kepada Lembaga Pengarah penuh, imbuhan, yuran dan pakej imbuhan lain yang akan dibayar kepada para Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif, berasaskan nasihat luar mengikut kesesuaian. Imbuhan bagi semua Pengarah ditentu bagi memastikan supaya Syarikat mampu menarik dan mengekalkan para Pengarah yang diperlu untuk mengurus Kumpulan dengan berkesan. Para Pengarah Eksekutif tidak terlibat dalam perbincangan dan membuat keputusan berkaitan dengan imbuhan mereka sendiri. Pakej imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif adalah perkara yang diputuskan oleh seluruh ahli Lembaga Pengarah dengan individu berkaitan mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian bagi menentukan imbuhan mereka sendiri.

Where appropriate, other customary benefits were accorded to Directors. For instance, the Executive Directors were granted share options under the Employees' Share Option Scheme (ESOS).

Details of Directors' remuneration and benefits during the year are as provided in page 104 of the Annual Report.

Nomination Committee

The Committee has established its terms of reference. It is responsible for making recommendations to the Board on all new Board and Board Committee appointments and provides a formal and transparent procedure for such appointments. The Committee will review the required mix of skills and experience of the Directors of the Board, in determining the appropriate Board balance and size of non-executive participation.

Internal Control

The Board acknowledges its responsibility for the Group's system of internal control and for reviewing its effectiveness in providing shareholders with a return on their investments that is consistent with a responsible assessment and management of risks.

The Group's internal control system covers not only financial controls but also operational and compliance controls as well as risk management. The internal control system involves each business and key management from each business, including the Board, and is designed to meet the Group's particular needs and to manage the risks to which it is exposed.

Manfaat-manfaat lazim yang lain diberi kepada para Pengarah mengikut kesesuaian. Contohnya, para Pengarah Eksekutif diberi opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS).

Butir-butir lanjut mengenai imbuhan dan manfaat para Pengarah pada tahun ini ditunjukkan di mukasurat 164 dalam Laporan Tahunan.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan telah membentuk terma rujukannya. Ia bertanggungjawab untuk mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai semua perlantikan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang baru serta menyediakan satu prosedur yang formal dan telus bagi perlantikan tersebut. Jawatankuasa ini akan mengkaji campuran kemahiran dan pengalaman Lembaga Pengarah yang diperlukan bagi menentukan keseimbangan Lembaga Pengarah serta saiz penyertaan pengarah bukan eksekutif yang sewajarnya.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengakui tentang tanggungjawabnya terhadap sistem kawalan dalaman Kumpulan dan keperluan untuk mengkaji keberkesanannya dalam menyediakan pulangan daripada pelaburan para pemegang saham, selaras dengan tanggungjawabnya untuk menilai dan mengurus risiko.

Sistem kawalan dalaman Kumpulan tidak merangkumi kawalan kewangan sahaja, malah ia turut meliputi kawalan operasi dan pematuhan serta pengurusan risiko. Sistem kawalan dalaman melibatkan setiap perniagaan dan pengurusan utama setiap perniagaan termasuk Lembaga Pengarah dan bertujuan untuk memenuhi keperluan khusus Kumpulan serta mengurus risiko.

Because of the limitations that are inherent in any system of internal control such systems are designed to mitigate loss rather than eliminate the likelihood of fraud or error. Accordingly, these systems can provide only reasonable and not absolute assurance against material misstatement or loss. The concept of reasonable assurance also recognises that the cost of control procedures should not exceed the expected benefits.

The Board has continued its ongoing process of identifying, evaluating and managing the key commercial and financial risks facing the business together with more general risks, such as those relating to compliance with laws and regulations. The Group has in place a Risk Management Policy which will enhance current risk management practices of the Group, protect the business and evaluate business strategies based on risk involved; provide a systematic linkage between risk management and performance management; and provide key inputs for strategic value-maximising decision making and performance management. Group Policies are also in place for key issues including the management of Health and Safety, Environmental, Engineering and Information Technology risks. There is furthermore a Limits of Authority policy that clearly delineates authorisation limits to ensure proper identification of accountabilities and segregation of duties. Corporate values, which emphasise team working and ethical behaviour, have been fully communicated to staff.

Shareholders' Communications and Investor Relations Policy

The Board believes in clear and regular communications with its shareholders and institutional investors. In addition to the various announcements made during the year, the Annual Report and release of financial results on quarterly basis provide shareholders with an overview of the Group's business activities and performance.

Oleh kerana sebarang sistem kawalan dalaman mempunyai had keberkesanan tertentu, sistem ini disediakan lebih bertujuan untuk mengurangkan kerugian berbanding dengan menghapuskan kemungkinan penipuan atau kesilapan. Sehubungan itu, sistem ini hanya mampu memberikan jaminan berpatutan dan bukannya jaminan muktamad daripada salah penyataan atau kerugian ketara. Konsep jaminan berpatutan juga mengakui bahawa kos prosedur kawalan tidak harus melebihi manfaat yang dijangkakan.

Lembaga Pengarah telah meneruskan proses mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko perdagangan dan kewangan utama yang dihadapi oleh perniagaan berserta berbagai risiko umum lain, seperti risiko berkaitan dengan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan. Kumpulan mempunyai Dasar Pengurusan Risiko yang akan mempertingkatkan amalan pengurusan risiko semasa Kumpulan, melindungi perniagaan dan menilai perniagaan secara strategik berasaskan kepada risiko yang terlibat; menyediakan satu sistem penghubung sistematik antara pengurusan risiko dan pengurusan prestasi serta menyediakan input penting dalam pembuatan keputusan strategik yang memaksimumkan nilai serta pengurusan prestasi. Dasar-dasar Kumpulan juga sedia ada untuk menangani risiko berkaitan isu-isu utama termasuk pengurusan Kesihatan dan Keselamatan, Alam Sekitar, Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat. Di samping itu, terdapat dasar Kuasa Terhad yang membahagikan secara nyata penghadan kuasa bagi memastikan pengenalpastian akauntabiliti dan pengasingan tugas dibuat sewajarnya. Nilai korporat yang memberi penekanan terhadap semangat berpasukan dan kelakuan etika telah disampaikan sepenuhnya kepada kakitangan.

Dasar Komunikasi Pemegang Saham dan Perhubungan Pelabur

Lembaga Pengarah percaya terhadap komunikasi yang nyata dan kerap dengan para pemegang sahamnya dan para pelabur institusi. Di samping berbagai pengumuman yang disiarkan pada tahun ini, Laporan Tahunan dan penyampaian maklumat keputusan kewangan setiap tiga bulan sekali menyediakan kepada para pemegang saham satu tinjauan menyeluruh mengenai aktiviti dan prestasi perniagaan Kumpulan.

Enquiries by shareholders are dealt with as promptly as practicable. The Company has also for some years now used the Annual General Meeting (AGM) as a means of communicating with its shareholders. The AGM is held in January each year. The Board encourages participation from shareholders by having questions and answers session during the AGM where the Directors are available to discuss aspects of the Group's business activities and performance.

Shareholders can also obtain up-to-date information on the Group's various activities by accessing its website at http://www.gamuda.com.my.

In addition, the Company maintains regular dialogues with institutional investors, fund managers and analysts with the aim of fostering the mutual understanding of objectives

Pertanyaan yang dikemukakan oleh para pemegang saham ditangani dengan pantas dan secara praktikal. Sejak beberapa tahun lalu, Syarikat telah menggunakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) sebagai kaedah untuk berkomunikasi dengan para pemegang sahamnya. AGM diadakan pada bulan Januari setiap tahun. Lembaga Pengarah menggalakkan penyertaan para pemegang saham dengan mengadakan sesi soal jawab di AGM di mana para Pengarah bersedia untuk membincangkan berbagai aspek berkaitan aktiviti dan prestasi perniagaan Kumpulan.

Para pemegang saham juga boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai berbagai aktiviti Kumpulan dengan melayari laman webnya di http://www.gamuda.com.my.

Di samping itu, Syarikat mengadakan dialog dengan para pelabur institusi, pengurus dana dan penganalisis dengan tujuan untuk memupuk semangat saling memahami antara satu sama lain mengenai objektifnya.